

BERITA

SP Group terus beri sokongan kepada masyarakat



BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT: Kakitangan relawan, yang lebih dikenali sebagai SP Heart Workers, berinteraksi bersama salah satu benefisiari KidSTART semasa pengagihan barangan untuk membina perpustakaan kecil. – Foto SP GROUP

SOKONGAN yang berterusan penting demi memastikan terdapat kesan positif kepada mereka yang memerlukan.

Dengan harapan dapat memberikan kesan sosial yang positif dalam masyarakat, SP Group telah memberi tumpuan kepada sokongan berterusan melalui filantropi, sumber relawan kakitangan, pemberian berasaskan kemahiran dan memanfaatkan saluran dan rangkaian mereka.

Bekerja rapat dengan Community Chest, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan SP Group, Encik Stanley Huang, berkata syarikatnya telah bekerjasama dengan pelbagai agensi perkhidmatan sosial untuk mengenal pasti keperluan mereka yang memerlukan.

“Walaupun menghadapi cabaran yang ditimbulkan oleh wabak Covid-19 itu, kami meningkatkan usaha untuk memenuhi komitmen yang telah lama terjalin dan menubuhkan program baru untuk memberi manfaat kepada lebih ramai pengguna perkhidmatan sosial, daripada warga emas, kepada kanak-kanak dan belia,” kata Encik Huang.

Tahun lalu, SP Group menyumbang sebanyak \$4.5 juta dalam bentuk derma, tajaan dan tenaga sukarelawan.

Ini termasuk mengekalkan sokongan untuk 21,000 warga emas melalui Dana SP Heartware, yang telah mengumpul lebih \$18 juta sejak ia ditubuhkan pada 2005.

Selain itu, SP Group turut melabur \$1.1 juta tahun ini di bawah inisiatif Power Pek dengan mengagihkan barangan keperluan kepada 10,000 keluarga berpendapatan rendah.

Jumlah tersebut merupakan peningkatan lima kali ganda dalam inisiatif tahunan tersebut.

Menekankan pentingnya pembangunan kanak-kanak dari tahun-tahun awal lagi, SP Group turut membangunkan pelbagai inisiatif bagi golongan ini.

Sejak dua tahun lalu, SP Group telah memulakan daya usaha ‘SP Kids at Heart’ untuk menyokong perjalanan pembelajaran mereka.

Di bawah inisiatif ini syarikat tersebut telah menyumbang \$2.1 juta untuk menyokong seramai 5,000 kanak-kanak di bawah KidSTART dengan alat pembelajaran termasuk peranti digital bagi pembelajaran berasaskan rumah.

Meluaskan jangkauannya kepada belia daripada latar belakang rentan tahun ini, SP Group telah melancarkan Anugerah Kajian Kejuruteraan SP Group dengan sumbangan \$1 juta kepada Institut Pendidikan Teknikal (ITE).

Sumbangan ini dijangkakan memberi manfaat kepada 450 pelajar ITE daripada keluarga berpendapatan rendah dalam tempoh tiga tahun akan datang.

“Melalui anugerah kajian ini, SP

Group berhasrat membantu bakal jurutera dalam mendapatkan peluang akademik dan pekerjaan yang lebih baik,” kata Encik Huang.

Kakitangan relawan, yang lebih dikenali sebagai SP Heart Workers, turut turun padang untuk menyumbang tenaga melalui kegiatan pendekatan untuk pengguna perkhidmatan sosial sepanjang tahun.

Ini termasuk kegiatan *befriending* di Pusat Kegiatan Warga Emas, membantu warga emas menjalankan kedai runcit mereka dan mengendalikan klinik digital.

Baru-baru ini, SP Group telah diiktiraf kerana usaha mereka dalam masyarakat dengan tiga anugerah untuk kedermawanan yang berterusan, budaya kesukarelawanan yang kuat dan penglibatan komuniti pada Anugerah Community Chest 2022.

Mengulas pencapaian ini, Encik Huang berkata SP Group berbesar hati menerima pengiktirafan ini daripada Community Chest.

Katanya, ia tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa sokongan kakitangan SP Group, rakan perniagaan, dan orang awam.

“Selama bertahun-tahun, kami telah membangunkan budaya kesukarelawanan yang kuat dalam kalangan ahli pasukan kami.

“Tujuan bersama untuk mengejar kebaikan bersama ini menyatukan kakitangan kami, memupuk pembinaan pasukan dan memupuk semangat memberi,” tambahnya.